

28 DEC 1999

Syed Hamid

MASA UNTUK TERUS BERGERAK, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Negara kini mesti terus bergerak ke hadapan selepas melalui proses pilihan raya umum baru-baru ini, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Memadangkan rakyat sudah membuat pilihan, kerajaan perlu melaksanakan tugasnya dan melaksanakan dasar-dasar yang digariskan dalam manifesto pilihan raya, katanya.

"Saya rasa ini amat penting kerana akan ada pelaburan baru yang datang ke negara kita, ada orang yang mahu melawat Malaysia, orang yang mahu melihat Malaysia terus maju, oleh itu kita mesti berupaya membuktikan kepada mereka bahawa kita tidak sepanjang masa memikirkan tentang politik," katanya kepada pemberita di Angkasapuri di sini.

Semalam di Alor Setar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa parti-parti politik tidak lagi perlu berkempen seolah-olah mereka masih menghadapi pilihan raya umum.

Dr Mahathir menggesa rakyat mempereratkan hubungan sesama mereka selepas pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov.

Semasa diminta mengulas gesaan perdana menteri itu, Syed Hamid berkata setiap orang harus mengambil ingatan terhadap nasihat Dr Mahathir.

"Gesaan beliau adalah peringatan bahawa pilihan raya sudah berakhir dan kita harus mematuhi kerana kita mempunyai tugas yang lebih besar untuk dilaksanakan," kata Syed Hamid.

Pilihan raya yang baru lepas membuktikan kematangan sistem demokrasi di Malaysia, katanya.

"Kita telah membuktikan kepada dunia bahawa demokrasi masih hidup, sihat dan berkembang di Malaysia," katanya.

Malaysia juga perlu terus memainkan peranan penting dalam arena antarabangsa, kata Syed Hamid.

-- BERNAMA

AZZ LAT